


Profil Usahawan

# Kecil-kecil Cili Padi: Uhmazing Taste....Sekali Ngap, Pasti Nak Lagi!

Aqilah Nadiah Md Sahiq
Fakulti Pengurusan & Perniagaan
Kampus Bandaraya Melaka
UiTM Melaka

Mulanya hanya sekadar suka suka sahaja membuat *Homemade Dark Chocolate Chip Cookies* untuk sambutan Hari Raya pada tahun 2019. Namun, tidak disangka ianya mendapat sambutan yang luar biasa dalam kalangan keluarga dan sahabat handai. Disebabkan sambutan itu, timbullah idea untuk menceburkan diri dalam perniagaan menghasilkan *homemade cookies* secara lebih serius.

Motto Uhmazing Taste ialah "*simply delightful for every bite*". Bertepatan dengan motto ini, Uhmazing Taste mengetengahkan *homemade premium cookies* yang menggunakan bahan-bahan bermutu tinggi seperti mentega asli *(pure butter)*, coklat berkualiti, kekacang seperti badam dan *walnut* serta lain-lain lagi. Uhmazing Taste mengamalkan konsep *order to make*; di mana *homemade cookies* ini hanya akan dihasilkan berdasarkan tempahan yang dibuat oleh pelanggan. Hal ini kerana, ianya untuk memastikan pelanggan dapat menikmati produk yang berkualiti dan segar secara optimum.

Terdapat pelbagai seleksi produk *homemade* lain yang turut mendapat sambutan seperti *Cheesy Crabstick*, *Honey Almond* Cornflakes dan Popia Nestum. Dalam masa yang terdekat ini, Uhmazing Taste dijangka akan mengeluarkan lagi aneka produk *homemade* yang baru. Produk Uhmazing Taste ini sesuai dimakan pada bila-bila masa



Nama: Amirah Nadrah binti Md Sahiq
Nama Syarikat: Uhmazing Taste
Alumni: Diploma Perakaunan, (2010-2013), UiTM Segamat, Johor

sesuai dimakan pada bila-bila masa dan di mana jua. Sekali ngap, pasti nak lagi! Jadi, tunggu apa lagi, mari cuba produk *homemade* kami.

P/S: Jemput ketik suka dan ikuti *(like & follow)* akaun Facebook Uhamzing Taste serta Instagram Uhmazing Taste sebagai tanda sokongan anda. Terima kasih

**Gambar Produk Laku Keras Uhmazing Taste**

| | |
|---|---|
| **1) Dark Chocolate Chip Cookies**  | **2) Honey Almond Cornflakes**  |
| **3) Cheesy Crabstick**  | **4) Popia Nestum**  |
| **5) German Cookies**  | **6) Premium Banana Chocolate Cake**  |